

# Kaji sebelum buat keputusan

Kerajaan negeri cari pelbagai kaedah tingkatkan prasarana jeti nelayan

**SABAK BERNAM** - Kerajaan negeri masih dalam proses menyediakan kajian berhubung status tanah di semua jeti pendaratan ikan di negeri ini sebelum sebarang keputusan mengenainya diumumkan dalam tempoh terdekat ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, secara umumnya, kajian yang dijalankan perunding swasta yang dilantik Lembaga Urus Air Selangor (Luas) itu selesai, tetapi beberapa penambahbaikan masih dalam tindakan.

Malah, katanya, hasil kajian dan cadangan daripada perunding swasta itu juga sudah dibentangkan kepada Ahli Lembaga Luas untuk penelitian lebih mendalam sebelum kajian itu dibawa dalam Mesyuarat Exco.

"Setelah dibentangkan

pada Mesyuarat EXCO, kertas kerja cadangan kajian ini akan dibawa kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk membuat apa jua keputusan terbaik mengenainya," katanya.

Dr Ahmad Yunus berkata, dalam kajian itu, kerajaan negeri memikirkan jalan penyelesaian termasuk memperkenalkan sistem pajakan atau sistem tanah kerajaan negeri tetapi pengurusannya diserahkan kepada pengusaha.

"Sudah tentu kita tak akan keluarkan Lesen Pendudukan Sementara (TOL), sebaliknya akan diganti dengan kaedah lain agar keputusan itu nanti memberi manfaat kepada rakyat dan kerajaan negeri," katanya.

Selain itu katanya, kerajaan negeri juga sedang memikirkan cara terbaik bagi meningkatkan prasarana di jeti nelayan di negeri ini kerana ia



**Dr Ahmad Yunus (empat kanan) menerangkan sesuatu kepada Adun Sekinchan, Ng Suee Lim (tiga kiri) dan wakil Persatuan Kebajikan Nelayan dan Peniaga Sekinchan ketika menjalankan tinjauan di sebuah jeti pendaratan ikan di Bagan Sekinchan.**

bukan hanya dijadikan tempat pendaratan ikan semata-mata, malah menjadi kawasan pelancongan

"Kalau prasarana di jeti nelayan ini lengkap, orang (pengunjung) pun lebih suka

datang, jadi pendapatan penduduk juga akan meningkat sekali gus memberi galakan kepada mereka untuk meningkatkan ekonomi masing-masing," katanya.

Ditanya tentang ke-

mungkinan Luas akan tetap menjalankan tindakan penguatkuasaan di jeti nelayan yang tidak memiliki sebarang hak milik dan TOL, Dr Ahmad Yunus memberitahu, tiada sebarang tindakan penguatkuasa-

an dijalankan hingga kajian itu selesai sepenuhnya.

*Sinar Harian* 16 April lalu melaporkan, Persatuan Kebajikan Nelayan dan Peniaga Sekinchan mendesak agar kerajaan negeri Selangor mengeluarkan satu garis panduan berhubung status tanah di semua jeti pendaratan ikan di negeri ini.

Pengerusinya, Lee Aik Leong berkata, ketiadaan garis panduan mengundang kerisauan kepada 60 nelayan di Sekinchan termasuk di kawasan lain tentang kemungkinan jeti pendaratan ikan mereka itu akan dirobohkan agensi penguatkuasaan.

Menurutnya, rata-rata nelayan mengusahakan jeti pendaratan ikan sejak lebih 50 tahun khuatir jika perkara itu tidak ditangani menyebabkan mereka yang melabur bagi pembinaan jeti itu tanggung rugi ratusan ribu ringgit.